



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

PROGRAM

PERASMIAN SAMBUTAN HARI WARGA EMAS KEBANGSAAN 2025

LOKASI / TARIKH / MASA

**KLANA RESORT SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
5 OKTOBER 2025 (AHAD)
7.30 MALAM**

IKemas kini 4 Okt 2025

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. **Alhamdulillah**, marilah kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita dapat berhimpun pada malam yang penuh bermakna ini sempena **Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan 2025**.
2. Malam ini kita bukan sahaja meraikan, tetapi juga **menghargai, menyanjung dan menzahirkan kasih** kepada warga emas – generasi yang telah membina asas kemajuan negara kita.

3. Pertama sekali, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua warga emas di Malaysia, khususnya yang hadir bersama kita malam ini. Tanpa pengorbanan, keringat dan doa mereka, kita tidak mungkin berada pada tahap ini.

**Padi menguning di sawah desa,
Hasil dituai penuh gembira;
Warga emas warisan berharga,
Wajah masa depan bangsa kita.**

4. Terima kasih juga kepada **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)** sebagai penganjur, Kerajaan Negeri Sembilan sebagai tuan rumah, serta semua rakan strategik – kementerian, agensi, NGO, komuniti dan pihak swasta – yang telah bersama menjayakan sambutan ini.

SEJARAH SAMBUTAN HARI WARGA EMAS

5. Seperti yang kita ketahui, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menetapkan **1 Oktober sebagai Hari Warga Emas Sedunia** sejak tahun 1990. Malaysia pula mula meraikannya pada tahun **1992**.

6. Tahun ini kita menyambutnya buat kali ke-33. Walaupun tarikh rasmi jatuh pada hari bekerja, majlis ini dianjurkan pada 5 Oktober agar lebih ramai warga emas dapat bersama-sama memeriahkan sambutan.

TEMA & OBJEKTIF SAMBUTAN

Para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Tema tahun ini, “**Warga Emas Wajah Masa Depan Kita**”, amat signifikan. Ia mengingatkan kita bahawa warga emas bukan sahaja dikenang kerana sumbangan masa lalu, tetapi dihormati kerana **peranan mereka hari ini dan inspirasi mereka untuk generasi akan datang.**

8. Tema ini selari dengan **Dasar Warga Emas Negara** yang menggariskan komitmen kerajaan untuk memastikan warga emas berdikari, bermaruah, aktif dan dihormati.
9. Malaysia dijangka mencapai status **negara tua menjelang 2030**, apabila 15% penduduk berumur 60 tahun ke atas. Pada 2024, kita sudah mempunyai **3.9 juta warga emas**, bersamaan hampir 12% daripada keseluruhan populasi.

10. Namun persoalannya, adakah warga emas beban? **Tidak sama sekali.** Mereka adalah **aset berharga negara** – penyimpan hikmah, penghubung generasi, dan teladan yang wajar kita sanjung.
11. Malah, dalam lima dekad kebelakangan ini, jangka hayat rakyat Malaysia meningkat daripada **63 tahun kepada 76 tahun**, hasil usaha bersama dalam kesihatan dan kesejahteraan

Puan-puan dan tuan-tuan yang dihormati sekalian,

12. Warga emas berperanan penting dalam agenda nasional dan global. Mereka adalah:

- **Mentor dan pembimbing generasi muda,**
- **Penghubung keluarga dan budaya,**
- **Agen advokasi** dalam isu kesejahteraan sosial dan kelestarian.

13. Seiring dengan **Agenda Pembangunan Mampan 2030** dan konsep **Malaysia MADANI**, warga emas terus diiktiraf sebagai aset penting masyarakat.

INISIATIF KERAJAAN MELALUI KPWK

14. Kerajaan melalui KPWK sentiasa menitikberatkan agenda pemerkasaan warga emas. Antara langkah utama ialah:

- **Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN)** – yang telah dikemaskini ialah untuk memastikan kesiapsiagaan menghadapi status negara tua.
- **Bantuan Warga Emas (BWE)** – iaitu RM600 sebulan, memberi manfaat kepada lebih **160 ribu warga emas dengan jumlah bantuan RM555.7 juta** setakat Jun 2025.

- **Program PAWE@3A (*anytime, anywhere, any place*)**– yang memperluaskan aktiviti warga emas secara fleksibel dan berteraskan komuniti.
- **Khidmat Bantu di Rumah (KBDR)** – salah satu inisiatif yang membantu warga emas yang tinggal bersendirian.
- **Institusi Warga Emas** – yang sedang disusun semula dan dinaik taraf, termasuk projek Rumah Seri Kenangan (RSK)

Johor Bahru dan RSK Bedong, Kedah yang dijangka siap tahun depan (2026).

- **Rang Undang-Undang Warga Emas Malaysia** – sedang dirangka bagi melindungi hak-hak mereka.

15. Semua ini adalah untuk memastikan warga emas terus hidup dengan **bermaruah, sejahtera, aktif dan dihormati**.

Hadirin yang saya kasihi,

16. Sambutan ini membawa mesej yang jelas – bahawa warga emas adalah **wajah masa depan kita semua**.
17. Saya berharap setiap daripada kita akan menjadikan budaya menghormati yang tua dan menyayangi yang muda sebagai pegangan hidup. Inilah asas kepada masyarakat yang harmoni dan bersatu padu.

18. Akhir kata, tahniah dan terima kasih kepada semua yang telah menjayakan sambutan pada malam ini, terutamanya warga emas yang diraikan.

Dengan lafaz Bismillahirrahmaaanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan Tahun 2025.**

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
5 Oktober 2025